

Semua negeri sedia wartakan undang-undang keluarga Islam

UM 16 JAN 2003

KUALA LUMPUR 15 Jan. Kerajaan-kerajaan negeri termasuk Kelantan dan Terengganu bersedia untuk mewartakan undang-undang keluarga Islam di negeri masing-masing mengikut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di sesetengah negeri, beberapa pindaan telahpun dibuat manakala di negeri-negeri lain, semakan undang-undang tersebut akan dilakukan meliputi pelbagai perkara antaranya isu poligami dan kes nikah cerai.

Di Johor Bahru, Menteri Besar, **Datuk Abdul Ghani Othman** berkata, kerajaan negeri mengulakukan langkah untuk mewartakan undang-undang keluarga Islam dan bersetuju memberi kerjasama bagi merealisasikan hasrat Perdana Menteri.

Undang-undang Islam di Johor, kata beliau, sebenarnya telah diseragamkan sejajar dengan arahan Kerajaan Persekutuan melalui keputusan Majlis Raja-Raja yang berhubung dengan nikah dan cerai.

"Namun begitu, ada beberapa perkara yang perlu diseragamkan iaitu undang-undang Mahkamah Syariah yang tidak sama dengan negeri-negeri lain," katanya.

Di Ipoh, Menteri Besar Perak, **Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali** berkata, pihaknya akur dengan permintaan Perdana Menteri agar semua kerajaan negeri mewartakan undang-undang keluarga Islam termasuk perkara yang berkaitan dengan poligami.

"Mengenai soal poligami, Perak memang menyediakan kemudahan itu untuk mengawal lelaki Islamnya daripada ke Thailand untuk bernikah," katanya.

Di Alor Star, Menteri Besar Kedah, **Datuk Seri Syed Razak Syed Zain** memberitahu bahawa proses untuk mewartakan undang-undang agama Islam negeri kini berada di tahap terakhir.

Di Kangar, Menteri Besar Perlis, **Datuk Seri Shahidan Kassim** pula memberitahu, pembentangan rang undang-undang tersebut akan dibuat tidak lama lagi sebelum diwartakan.

Menurut beliau, pihaknya menda-pati undang-undang keluarga Islam yang diluluskan oleh Majlis Raja-Raja tidak banyak berbeza dengan Undang-undang Keluarga Islam yang diguna pakai di Perlis pada masa ini.

Menyentuh soal poligami, Shahidan menambah, suami yang hendak berpoligami perlu merujuk kepada mahkamah terlebih dahulu sebelum boleh berbuat demikian walaupun tidak mendapat tandatangan isteri pertama.

Di Pulau Pinang, Timbalan Ketua Menteri, **Datuk Dr. Hilmi Yahaya** memberitahu, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak negeri sedang meneliti draf model undang-undang keluarga Islam yang diluluskan oleh Majlis Raja-Raja sebelum diwartakan.

Di Shah Alam, Menteri Besar Selangor, **Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo** pula berkata, pihaknya melakukan beberapa pindaan ke arah menyeragamkan undang-undang syariahnya sebelum diwartakan termasuk kes penceraian di mana kuasa diberi kepada kadi untuk menyelesaikannya tanpa perlu dibawa ke Mahkamah Syariah.

"Sebaik sahaja diluluskan pada sidang Dewan Undangan Negeri pada Mac ini, undang-undang itu akan diwartakan untuk dikuatkuasakan termasuk pindaan berhubung kes penceraian yang tentu mempermudah penyelesaiannya tanpa mengambil masa lama," katanya.

Di Melaka, Ketua Menteri, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk berbuat demikian kerana sehingga kini kerajaan negeri hanya perlu mewartakan sebahagian kecil perundangan mengenai keluarga Islam dan ia akan dilakukan tidak lama lagi.

Di Seremban, Menteri Besar Negeri Sembilan, **Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad** menjelaskan bahawa selain undang-undang keluarga Islam, soal pentadbiran, tata cara Mahkamah Syariah dan tata cara jenayah Islam juga harus diberi perhatian.

Menurut beliau, undang-undang Islam termasuk soal berkaitan dengan

poligami wajar diwartakan segera supaya ia dapat digunapakai di negeri-negeri lain.

Sementara itu, Kerajaan Pas Kelantan turut menyokong saranan Perdana Menteri agar kerajaan-kerajaan negeri mewartakan segera undang-undang keluarga Islam bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan umat Islam.

"Saya memang bersetuju undang-undang keluarga Islam diwartakan segera," kata Menteri Besar, **Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat**.

Beliau bagaimanapun melahirkan rasa terkilan apabila peranan dan fungsi Mahkamah Syariah dan Sivil dipisahkan sekali gus menyumbang kepada permasalahan yang wujud dalam masyarakat sekarang.

Di Terengganu, Menteri Besar **Datuk Seri Abdul Hadi Awang** memberitahu, kerajaan negeri bersedia mewartakan undang-undang keluarga Islam hanya selepas mendapatkan pandangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Kata beliau, Kerajaan Pusat juga perlu menyelaraskan perkara yang melibatkan pentadbiran undang-undang yang berkaitan dengan Islam secara menyeluruh termasuk undang-undang Hudud dan Qisas.

Pada perkembangan yang sama, Timbalan Ketua Menteri Sabah, **Datuk Lajim Ukin** berkata, pihaknya akan meneliti dan mengkaji terlebih dahulu Undang-undang Keluarga Islam sebelum diwartakan.

"Keputusannya akan kami umumkan esok," katanya yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam Sabah.

Di Sarawak, Menteri Pelancongan Sarawak, **Datuk Seri Abang Johari Tun Openg** secara peribadi menyokong penuh usaha Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan isu ketidakseragaman undang-undang Islam di negeri-negeri bagi mengelak kekeliruan.

"Kita belum lagi bincang di peringkat kabinet Sarawak tetapi secara peribadi sebaik-baiknya biarlah ada penyeragaman membabitkan undang-undang syariahnya," katanya.